



TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. AHMAD KAMARULNAJUIB BIN CHE IBRAHIM

KETUA PENGARAH

JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

Sempena

**Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 6 Tahun 2018 Dan Majlis Persaraan
Jabatan Alam Sekitar**

7 November 2018 (Rabu)

Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli

Presint 4, Wp Putrajaya

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim.

- Terima kasih Pengacara Majlis
- **Yang Berusaha Encik Mokthar Bin Abdul Majid**
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Alam Sekitar Malaysia
- **Yang Berusaha Puan Norlin binti Jaafar** Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan) Jabatan Alam Sekitar Malaysia
- Pengarah-pengarah Bahagian
- Pengarah-pengarah JAS Negeri
- Pegawai-pegawai Kanan Jabatan
- Tuan-tuan dan puan-puan
- Warga JAS yang dikasihi sekalian.

PENDAHULUAN

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita untuk bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bil. 6 Tahun 2018 Jabatan Alam Sekitar pada pagi ini. Sesungguhnya masa begitu pantas berlalu dan kita telah berada dalam bulan Safar 1440 Hijrah dan menghampiri penghujung tahun 2018.

2. Sesungguhnya saya amat gembira kerana dapat bertemu lagi dengan tuan-tuan dan puan-puan pada kali ini bagi membolehkan hasrat pihak pengurusan atasan Jabatan dikongsi secara telus dan terus. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Urusetia Majlis iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan kerana telah mengatur ruang untuk saya menyampaikan amanat sebagai panduan kepada warga Jabatan dalam menggalas tanggungjawab selaku anggota pentadbiran dan penjawat awam.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Integriti Dalam Pengurusan Tadbir Urus Kerajaan

3. Dalam konteks perkhidmatan awam yang efektif, integriti merupakan asas kepada tadbir urus kerajaan yang kukuh. Ingin saya ingatkan perkara paling utama yang perlu dititikberatkan adalah memantapkan sahsiah dan peribadi penjawat awam sehingga sampai ke tahap kebolehpercayaan yang lebih tinggi. Oleh itu, sebagai penjawat awam, warga Jabatan perlu sentiasa bersedia memastikan amalan kerja yang cekap, cepat serta berintegriti tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab secara proaktif bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap prestasi perkhidmatan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pembentangan Belanjawan 2019 Sektor Alam Sekitar

4. Belanjawan 2019 bertemakan “Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera” telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan Malaysia

pada 2 November 2018 menumpukan kepada 3 Fokus dengan 12 Strategi Utama bagi mengembalikan kedudukan ekonomi Malaysia sebagai Harimau Asia. Tiga (3) Fokus tersebut:

- i. Melaksanakan Reformasi Institusi;
 - ii. Memastikan Kesejahteraan Rakyat; Dan
 - iii. Memupuk Budaya Negara Keusahawanan.
5. Kerajaan memandang serius terhadap isu alam sekitar negara. Berikut itu, bagi menangani pencemaran sisa plastik dan menarik pelaburan dalam aktiviti yang mesra alam, Belanjawan 2019 turut menawarkan insentif Taraf Perintis sebanyak 70% atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% untuk tempoh 5 tahun bagi syarikat yang menghasilkan plastik mesra alam berasaskan bio-resin dan bio-polimer.
6. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Jabatan diperuntukkan sebanyak RM115,697,200 dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019 Di Bawah Maksud B30. Peruntukan Mengurus Tahun 2019 meningkat sebanyak 15.5% berbanding Peruntukan Mengurus Tahun 2018 yang berjumlah RM100,161,800.
7. Manakala, Jabatan diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019 Di Bawah Maksud P30 sebanyak RM73,764,600.
8. Saya ingin mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan, peruntukan tahun hadapan perlu dibelanjakan secara berhemah mengikut perancangan dan keutamaan Jabatan bagi mencapai keberhasilan yang ditetapkan. Langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan perlu diberi perhatian serius agar peruntukan dibelanjakan mengikut program/aktiviti yang telah

diunjurkan bagi tahun 2019. Keutamaan Jabatan adalah bagi pembayaran item-item kontraktual yang telah tanggungkan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2018

9. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Tahun 2018 disambut pada 21 Oktober 2018 dengan tema “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”. Walaupun sambutan HASN 2018 di peringkat Kebangsaan tidak dilaksanakan seperti tahun-tahun sebelum ini, semangat warga Jabatan dalam memeriahkan HASN 2018 dengan pelaksanaan program di peringkat Negeri dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan swasta harus diberi pujian.
10. Suka untuk saya sebutkan beberapa program yang telah dianjurkan sempena HASN 2018. Program-program tersebut adalah seperti;
 - i. Seminar Larangan Pembakaran Terbuka Dan Town Hall Session Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2018 pada 20 September 2018;
 - ii. Program Kajian Pemantapan serta Pengukuhan Rakan Alam Sekitar (RAS) peringkat Negeri Melaka pada 20 Oktober 2018;
 - iii. Pertandingan Pidato Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan pada 21 Oktober 2018;
 - iv. Program Sambutan Hari Alam Sekitar Peringkat Negeri Sembilan pada 28 Oktober 2018;
 - v. Program Enviro Hiking Bersama Rakan Alam Sekitar Di Gunung Angsi Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2018 pada 20 Oktober 2018; Dan

- vi. Program Rakan Alam Sekitar bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis pada 3 November 2018.
- 11. HASN adalah hari terpenting bagi Jabatan untuk menzahirkan aspirasi, visi dan misi Jabatan dan Kerajaan dalam bentuk tindakan dalam memelihara alam sekitar. HASN juga merupakan medium interaksi yang baik bagi Jabatan dengan orang awam dalam memberi pendidikan dan kesedaran mengenai alam sekitar.

Tuan-tuan dan puan-puan dihormati sekalian.

Anugerah Langkawi-Kelestarian Alam Sekitar Tahun 2017/2018

- 12. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, esok 8 November 2018 akan diadakan Majlis Anugerah Langkawi-Kelestarian Alam Sekitar Tahun 2017/2018 kali ke 22 yang akan disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.
- 13. Anugerah ini adalah penghargaan dan penghormatan tertinggi Negara kepada individu dan organisasi dalam Malaysia yang telah memberi sumbangan signifikan dalam bidang alam sekitar. Penganugerahan ini adalah bagi memperingati Deklarasi Langkawi yang telah ditandatangani oleh Ketua-Ketua Negara Komanwel pada Tahun 1989.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pengisian Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)

- 14. Saya juga ingin mengingatkan warga Jabatan untuk melengkapkan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) untuk dinilai oleh Pegawai

Penilai. LNPT merupakan dokumen penting bagi setiap pegawai kerana ia merupakan kayu ukur prestasi pegawai bagi tempoh setahun penilaian.

15. Sehubungan itu, saya menyeru semua pegawai untuk mematuhi Jadual Pelaksanaan LNPT seperti yang telah dimaklumkan oleh Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Kegagalan untuk menyelesaikan LNPT ini akan menyebabkan tuan-tuan dan puan-puan tidak mendapat pergerakan gaji tahun 2019.

Pencapaian 4 Hari Berkursus

16. Sebagai penjawat awam, adalah menjadi kewajipan tuan-tuan dan puan-puan untuk mematuhi pelaksanaan dasar menghadiri kursus dan latihan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuatkuasa.
17. Sehubungan itu, suka untuk saya mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan dan memastikan pegawai di bawah seliaan tuan-tuan dan puan-puan mencapai sasaran empat (4) hari berkursus bagi tahun 2018. Rebutlah peluang untuk menghadiri kursus dan latihan yang disediakan oleh Jabatan dan agensi berkaitan demi kemajuan kerjaya, menambah ilmu pengetahuan dan melengkapkan diri dengan kemahiran.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Penutupan Akaun Akhir Tahun Persekutuan 2018

18. Seperti kita semua sedia maklum, November dan awal Disember setiap tahun adalah bulan persediaan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan bagi menghadapi Penutupan Akaun Akhir Tahun Persekutuan 2018. Oleh

- itu, bagi memastikan Penutupan Akaun Akhir Tahun Jabatan dalam keadaan teratur dan mengikut pekeliling kewangan yang berkuatkuasa, warga Jabatan diingatkan mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan oleh Bahagian Kewangan.
19. Dalam pada Jabatan sibuk menghadapi Penutupan Akaun Akhir Tahun 2018, peranan tuan-tuan dan puan-puan sebagai ketua serta penyelia di Bahagian, Jabatan Negeri dan Cawangan adalah amat diperlukan untuk memastikan prosedur dan peraturan Pengurusan Pejabat dan Kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi.
20. Tanggungjawab ketua dan penyelia dalam memastikan syor audit dan naziran terdahulu telah diambil tindakan penambahbaikan serta teguran audit berkenaan tidak berulang. Ini adalah berikutan Pengauditan Indeks Akauntabiliti (IA) oleh Audit Negara yang akan dijadualkan pada penghujung tahun ini. Peranan JAS sebagai salah satu agensi di bawah MESTECC adalah dalam memastikan markah yang baik dan Sijil Audit Bersih bagi Pengauditan IA pada kali ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Sekalung Tahniah Lantikan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

21. Pada kesempatan ini, belum terlewat untuk saya mengucapkan tahniah kepada YBrs. Puan Norlin Jaafar atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS. Semoga pengalaman, komitmen dan semangat kerja beliau dapat memacu Jabatan ke arah pencapaian yang lebih cemerlang.

Penghargaan Kepada Pesara JAS Tahun 2018

22. Suka juga untuk saya di sini mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada seramai 26 pesara Jabatan Alam Sekitar bagi tahun 2018. Majlis pada hari ini juga bertujuan untuk meraikan tuan-tuan dan puan-puan yang telah menyumbang khidmat bakti di Jabatan ini sehingga ke penghujung karier. Saya dimaklumkan hanya sebelas pesara yang dapat menghadirkan diri pada hari ini.

23. Selamat Bersara dan selamat menempuh dunia kehidupan yang baru. Persaraan adalah peringkat terakhir dalam fasa pekerjaan. Setiap pesara akan menjalani kehidupan baru disamping keluarga dan rakan taulan selepas tempoh persaraan. Oleh itu, diharapkan masa yang tuan-tuan dan puan-puan ada dimanfaatkan sebaiknya untuk diri sendiri dan keluarga. Saya mengharapkan tuan-tuan dan puan-puan dapat meneruskan sumbangan kepada komuniti dan masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan dikasihi sekali.

Sorotan Pencapaian dan Kejayaan Jabatan Alam Sekitar Tahun 2018

24. Sebelum kita melangkah ke tahun 2019, marilah sama-sama kita meneliti sejenak hasil pencapaian program-program utama Jabatan yang telah dirancang dan dilaksanakan pada tahun ini. Berkat perancangan dan komitmen padu daripada semua warga Jabatan, Alhamdulillah, kita berjaya melaksanakan pelbagai program dan inisiatif dalam memastikan tahap penyampaian perkhidmatan kepada *stakeholders'* adalah yang terbaik.

25. Untuk semua kejayaan tersebut, tahniah saya ucapkan kepada semua warga JAS. Besar harapan saya kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus memacu jabatan ke arah pencapaian visi dan misi yang lebih cemerlang dengan menerapkan nilai-nilai positif seperti mementingkan keberhasilan kerja, komitmen, kerja berpasukan, integriti dan amanah dalam tugas yang dipertanggungjawabkan dalam diri kita.
26. Harapan saya untuk warga JAS bagi menghadapi cabaran tahun 2019, usaha dan sikap produktif dalam mencapai kecemerlangan pada tahun ini diteruskan dengan lebih jitu bagi memastikan peranan kita sebagai sebuah Jabatan yang unggul dalam sektor alam sekitar terus diperkasakan.

Tuan-tuan dan puan-puan dikasihi sekali.

PENUTUP

27. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali dan Selamat Hari Natal yang akan kunjung tiba tidak lama lagi kepada warga JAS yang meraikannya. Kepada kebanyakan warga Jabatan yang mungkin mengambil cuti akhir tahun ini, selamat bercuti saya ucapkan. Doa saya semoga semua warga Jabatan sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera untuk menghadapi Tahun Baharu 2019. Akhir kata, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan untuk semat dan selami azam tahun baharu 2019 bagi pencapaian prestasi yang cemerlang buat tuan-tuan dan puan-puan secara individu dan Jabatan amnya untuk masa akan datang.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.